

Anwar tegaskan tak lindungi sesiapa terbabit kes rasuah

Daripada
Sariha Mohd Ali

sariha@bh.com.my

di Kaherah,
Mesir



Perdana Menteri menegaskan beliau tidak akan memberi perlindungan kepada sesiapa juga yang terbabit dalam kes rasuah, termasuk kepada pemberi maklumat bagi pembongkaran kes suapan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan teliti terhadap semua kes termasuk skandal rasuah membabitkan lapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang meminta wang sebagai balasan menyokong kelulusan projek.

Katanya, beliau tidak akan berunding dengan mana-mana pemberi maklumat kes rasuah yang mahu mendapatkan perlindungan kerana tindakan itu disifatkan sebagai aneh.

"Jangan gunakan jawatan Perdana Menteri untuk dapatkan perlindungan kepada sesiapa (bagi kes rasuah) kerana saya tidak akan buat begitu. Saya tak akan

bagi jaminan itu.

"Dasar Kerajaan MADANI jelas, iaitu perlindungan hanya diberi kepada mereka yang tidak terbabit langsung dalam kes rasuah.

"Jadi, jika ada maklumat yang samar-samar termasuk adakah individu pemberi maklumat itu turut terbabit dalam rasuah, ia perlu diteliti dan disiasat, bukan terus memberi perlindungan kepadanya," katanya pada sidang media pada hari terakhir lawatan rasmi empat hari ke Mesir, semalam.

Pada Sabtu lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan seorang pemberi maklumat bagi kes klip video beberapa ADUN membincangkan rasuah, sudah berjumpa pegawainya pada 30 Oktober lalu.

Pemberi maklumat dalam kes itu juga dikatakan menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri untuk meminta diberi perlindungan sebelum membuat laporan SPRM.

Mengulas perkara itu, Anwar berkata, beliau tidak menerima sebarang surat daripada mana-mana individu yang meminta perlindungan daripadanya-kerana masih berada di Mesir.

Beliau berkata, jika surat itu dihantar sekalipun, ia akan diserahkan kepada SPRM untuk siasatan lanjut.



Anwar melakukan gimik pelancaran operasi pemasangan Proton Saga CKD Mesir sempena lawatan rasmi empat hari ke Mesir yang turut dihadiri Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan di Kaherah, semalam. (Foto BERNAMA)

"Jika saya dapat surat (minta perlindungan itu), saya akan serah terus kepada SPRM. Ambil surat itu dan teliti sepenuhnya untuk tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau memberi laluan sepenuhnya kepada SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengamalkan tindakan terhadap mana-mana pihak terbabit rasuah selepas

siasatan lengkap dilakukan.

Sementara itu, Anwar berkata, semua pelajar Malaysia yang mahu melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar Al-Sharif di sini, perlu melalui kursus intensif bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bermula tahun depan.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan program bahasa Arab itu

yang dijalankan dengan kerjasama Institut Bahasa Arab Universiti Al-Azhar Al-Sharif dibuat bagi memastikan sebelum ke negara berkenaan bagi memastikan penguasaan bahasa yang lebih baik.

Katanya, pelaksanaannya akan dilakukan awal tahun depan melalui Institut Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).